

Konsep *al-Tauhid al-Suhudi* dalam tafsir *al-Jilani* The Concept of al-Tawhid al-Shuhudi in Tafsir al-Jilani

SHAMSUL BIN MOHD NOR
MAZLAN BIN IBRAHIM
FAUDZINAIM BIN BADRUDDIN

ABSTRAK

Kitab tafsir karangan Shaykh ^cAbd al-Qadir al-Jilani yang berjudul *al-Fawatih al-Ilahiyat wa al-Mafatih al-Ghaibiyat al-Muwaddihat lil al-Kalim al-Qur'aniyah wal al-Hikam al-Furqaniyah* atau *Tafsir al-Jilani* telah menggunakan kefahaman tauhid dan tasawuf sebagai metodologi asas dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Objektif kajian adalah untuk melihat aplikasi teori Tauhid menurut pandangan ahli tasawuf yang dikenali sebagai *al-Tauhid al-Shuhudi* dalam kitab tafsir tersebut. Teori *al-Tauhid al-Shuhudi* ini dibahagikan kepada empat kefahaman kehampiran seseorang menuju alam ketuhanan iaitu pertama, *Tauhid al-Af^cal*, kedua, *Tauhid al-Asma*, ketiga, *Tauhid al-Sifat* dan keempat, *Tauhid al-Dhat*. *Al-Tauhid al-Shuhudi* ini adalah lebih tinggi dari *al-Tauhid al-Istidlali* (teori Tauhid yang hanya berpegang pada dalil tanpa pengalaman bertauhid) kerana pada peringkat ini keyakinan secara teori (*Ilm al-Yakin*) telah bertukar kepada keyakinan secara amali (*Mushahadah*) iaitu ^cAin al-Yakin dan *Haq al-Yakin*. Keyakinan sedemikian telah dibuktikan dengan penglihatan matahati (*basirah*) dan *Mushahadah*. *Tauhid* jenis ini juga disebutkan sebagai gabungan disiplin ilmu tauhid dan tasawuf iaitu mengaplikasikan teori tauhid dalam perjalanan tasawuf yang dijadikan asas dalam kitab *Tafsir al-Jilani*. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif berasaskan kajian kepustakaan. Karya utama *al-Jilani* telah dianalisa sehingga diperolehi penggunaan *al-Tauhid al-Shuhudi* sebagai kaedah bagi menjelaskan hubungan tauhid dengan isi *al-Quran al-Karim*. Hasil kajian ini menjelaskan applikasi *al-Tauhid al-Shuhudi* dalam pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an untuk mencari makna yang tersirat yang dihurai secara falsafah Tauhid yang terzahir pada jiwa manusia melalui *Ahwal* dan *Maqamat*. Dari hal tersebut, lahirlah kesedaran bertuhan yang menjadi teras dalam kehidupan, asas kewujudan dan kejelasan dalam tujuan penciptaan manusia melalui kefahaman penafsiran al-Qur'an secara *Ishari*.

Kata kunci: *Tauhid al-Shuhudi*; *tafsir al-ishari*; *mushahadah*; *ahwal*; *maqamat*

ABSTRACT

The book of tafsir by Shaykh ^cAbd al- Qadir al-Jilani entitled *al-Fawatih al-Ilahiyah wa al-Mafatih al-Ghaibiyah al-Muwaddihat lil Kalim al-Qur'aniyah wal al-Hikam al-Furqaniyah* or *Tafsir al-Jilani* uses the understanding of tawhid and tasawuf as the basic methodology in the interpretation of the verses of the al-Qur'an. The objective of this study is to analyse the application of the theory of *al-Tawhid al-Shuhudi* in the said book of tafsir. *Al-Tawhid al-Shuhudi* is divided into four, first is *Tawhid al-Af^cal*, second, *Tawhid al-Asma*, third, *Tawhid al-Sifat* and forth is *Tawhid al-Dhat*. *Shuhudi Tawhid* is higher than *Istidlali Tawhid* (the monotheistic theory that only holds on the logic proofs based on syariah explanations without experience) because at this stage, theoretical conviction (*ilm al-Yakin*) has evolved into the faith in practise of *Mushahadah* (pure heart observation to God without veil) to achieve ^cAin al-Yakin and *Haq al-Yakin*. This study applies qualitative methodology based on content analysis through library research. Application of *al-Tawhid al-Shuhudi* in the interpretation of the verses of al-Qur'an to find the implied meaning of the philosophical *Tawhid* revealed in the human soul through *ahwal* (spiritual experiences) and *maqamat* (spiritual stations). As a result, the existence of the core consciousness in life, the foundation of existence and the infinite in the purpose of human creation through the understanding of the Qur'an will be achieved through the understanding of *Tafsir al-Ishari*.

Keywords : *Al-Tauhid al-Shuhud*; *tafsir al-ishari*; *mushahadah*; *ahwal*; *maqamat*

PENGENALAN

Kitab Tafsir al-Qur'an telah ditulis oleh para ulama dalam perbagai bentuk tafsiran mengikut keperluan

umat sejak dari zaman awal Islam. Tidak ketinggalan para ulama yang mengikut aliran tasawuf, juga telah menulis karya-karya tafsir menurut pemahaman tasawuf atau dinamakan *Tafsir al-Ishari*. Antaranya

kitab tafsir karangan Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani yang berjudul *al-Fawatih al-Ilahiyat wa al-Mafatih al-Ghaibiyat al-Muwaddihat lil al-Kalim al-Qur'aniyah wal al-Hikam al-Furqaniyah*. Menurut penanalisa kitab ini, Muhammad Fadil al-Jilani, kitab *Tafsir al-Jilani* ditulis berdasarkan naskah yang didapati dari beberapa manuskrip yang tidak lengkap yang berasal dari India, bertarikh tahun 622 Hijrah bersamaan 1226 Masihi iaitu 61 tahun setelah kewafatan Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani, terdapat juga naskhah-naskhah yang berlainan iaitu naskhah Baghdad dan Syria. Kitab ini kemudiannya dijumpai secara tidak lengkap di serata dunia. Muhammad Fadil al-Jilani, yang merupakan keturunan dari cAbd al-Qadir al-Jilani, telah memulakan usaha untuk mengumpul kitab tafsir ini bermula dari tahun 1977 Masihi sehingga tahun 2002 Masihi iaitu selama 25 tahun. Pencarian kitab tafsir Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani ini juga telah membawanya ke Vatican City, Italy untuk mendapatkan naskhah India dan beberapa manuskrip yang berkaitan dengan Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani (al-Jilani 2009).

Terdapat kenyataan dari al-Zirkali dalam *al-Islam* dan al-Haj Khalifah dalam *Kashf al-Zunun* yang menyatakan bahawa kitab tafsir ini adalah karya Nikmat Allah bin Mahmud al-Nakhjawani (wafat 920 H/1515 M), seorang sufi tarekat *al-Qadiriyyah* berasal dari Uzbekistan. Namun demikian, setelah dibandingkan dengan beberapa manuskrip tulisan tangan tafsir Shaykh cAbd al-Qadir, pentahkik kitab ini, Muhammad Fadil al-Jilani (2009: Jil. 1, 6), telah melampirkan bukti bahawa kitab tafsir ini adalah karangan asli Shaykh cAbd al-Qadir. Bukti tersebut berupa kenyataan penyalin kitab tafsir *al-Jilani* yang menuliskan pada setiap akhir jilid 1 hingga jilid 3 kalimat berikut:

“...Telah selesai Juz 3 dari tafsir Sultan al-cArifin Sayyidi cAbd al-Qadir al-Jilani qaddasallah sirruhu.”

Dan, dalam salinan manuskrip telah dituliskan pula pada jilid yang pertama:

“...Juz pertama dari tafsir al-Quran karya Maulana pemilik cahaya Rabbani, Imam Para Arif, Mahkota Agama, Qutb yang sempurna Sayid cAbd al-Qadir al-Jilani...”

Kitab tafsir karya Nikmat Allah bin Mahmud al-Nakhjawani itu sebenarnya adalah komentar di atas tafsir Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani. Penulisan al-Nakhjawani berakhir dengan kewafatannya pada tahun 1515 Masihi iaitu berselang 289 tahun mengikut tarikh yang ditemui pada naskah manuskrip yang dijumpai di India (al-Jilani 2009:

Jil. 1, 26). Kesimpulannya tafsir ini adalah karya sah dari Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani, cuma ia banyak ditemui secara tidak lengkap di serata dunia. Menurut Muhammad Fadil al-Jilani (2009) yang menjalankan penyelidikan secara bersendirian, pengumpulan kitab tafsir al-Jilani bermula dari tahun 1226 Masihi, namun cetakannya tidak dijumpai secara sempurna hingga akhirnya dicetak pada tahun 2008 Masihi dalam 6 jilid lengkap setelah hilang selama 782 tahun serta dihimpunkan menjadi jilid yang sempurna.

Menurut Jamaluddin Falikh, Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani atau nama sebenar beliau ialah Abu Muhammad cAbd al-Qadir bin Abu Saleh Musa bin Abu cAbd Allah bin Yahya al-Zahid bin Muhammad bin Daud bin Musa al-Thani bin cAbd Allah Abi al-Mukarram bin Musa al-Jaun bin cAbd Allah al-Muhammad bin Hassan al-Mutna bin Hassan bin cAli bin cAbu Talib. Keturunan dari sebelah ibunya pula ialah Fatimah binti cAbd Allah bin Mahmud bin Kamal al-Din cIsa bin Jamal al-Din bin cAbd Allah al-Sauma'i (lebih dikenali al-Zahid) bin cAli Zainal cAbd al-Din bin Husein bin al-Imam cAli bin Abu Talib, saudara Rasulullah SAW yang berkahwin dengan anak baginda SAW, Fatimah al-Zahra. Secara umum beliau mempunyai hubungan dengan Rasulullah SAW dari kedua-dua jaluran keturunan ibu dan bapanya (2014).

Dalam penulisan kitab tafsir *al-Fawatih al-Ilahiyat* atau *Tafsir al-Jilani*, Shaykh cAbd al-Qadir al-Jilani, telah menggabungkan disiplin ilmu tauhid dan tasawuf atau kaedah *al-Tauhid al-Shuhudi* sebagai metodologi asas dalam pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran. *Al-Tauhid al-Shuhudi* ialah pandangan tauhid berdasarkan *Basirah* (penglihatan matahati) dan *Mahabbah* iaitu melalui empat kefahaman kehampiran seseorang menuju alam ketuhanan iaitu pertama, *Tauhid al-Af'al*, kedua, *Tauhid al-Asma*, ketiga, *Tauhid al-Sifat* dan keempat, *Tauhid al-Dhat*. Kajian ini mengkaji aplikasi teori tauhid *al-shuhudi* dalam tafsir *al-Ishari* karangan beliau.

APPLIKASI AL-TAUHID AL-SHUHUDI DALAM TAFSIR AL-JILANI

Al-Tauhid al-Shuhudi adalah pembahasan tauhid peringkat tinggi yang berasaskan pengalaman *dhawqi* dan *kashfi* melalui *maqamat* dan *ahwal* seperti *al-Kashf*, *al-Ishq*, *Mawt al-Iradi* dan *Mahabbah* yang berdalilkan dalil umum dan *isharat* yang terdapat dalam nas al-Qur'an. Pemahaman

tauhid sebegini melengkapi *al-Tauhid al-Istidlali* yang hanya berdalilkan nas secara umum dan dalil akal semata-mata. Menurut Alan Godlas (2017), pengalaman melalui *kashf* yang menghubungkan natijah daripada latihan kerohanian dalam bertasawuf dengan al-Qur'an akan melahirkan perbagai aspek tafsiran dalam memberikan kefahaman yang lebih mendalam dalam bentuk yang tersirat terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Menurut Mursalin Ilyas (2018), tafsiran al-Qur'an secara *Ishari* dan *kashfi* akan membawa seseorang itu menemukan hakikat diri berhubung dengan wujud yang hakiki, iaitu Allah SWT, sedangkan tafsiran dalam bentuk literal secara makna bahasa adalah fenomena yang merupakan hubungan makhluk dengan sifat Allah dan *Af'al*Nya secara umum. Pentafsiran secara *Ishari* sebenarnya menemukan makna literal yang simbolik untuk lebih memperkayakan tafsiran terhadap sesuatu (Sansan Ziaul Haq 2016).

Dalam kitab tafsir *al-Jilani*, pengaruh tafsiran secara *kashfi* dan *Ishari* ini diaplikasi dengan metodologi *al-Tauhid al-Shuhudi* yang terbahagi kepada empat tingkatan iaitu *al-Tauhid al-Dhati*, *al-Tauhid al-Sifati*, *al-Tauhid al-Asma* dan *al-Tauhid al-Af'al*. Yang paling tinggi dalam kefahaman tersebut adalah *al-Tauhid al-Dhati*. Hampir semua tafsiran surah dalam kitab *Tafsir al-Jilani* yang berkaitan dengan *Ishari* menggunakan kaedah ini. Pada peringkat permulaan, Shaykh 'Abd al-Qadir akan menerangkan secara ringkas, makna-makna ayat al-Qur'an secara *lughawi* (pemahaman dari sudut bahasa), kemudian beliau akan menerangkan *isharat* ketuhanan yang berhubung dengan ayat dan surah melalui konsep *al-Tauhid al-Shuhudi* ini. Melihat kepada tarikh kitab tafsir ini ditulis, berkemungkinan Shaykh 'Abd al-Qadir adalah pengasas kepada konsep *al-Tauhid al-Shuhudi* dan mengaplikasikannya dalam karangan beliau mengenai tafsir al-Qur'an.

Menurut *al-Qamus al-Sufi*, tauhid bererti mengesakan Allah dan menafikan segala yang mensyirikkannya. (al-Qashani 2011:90). Menurut Shaykh 'Abd Allah al-'Idrus, Tauhid bererti menafikan bagi bagi *Dhat* Allah yang tiada baginya *mithal* pada *Dhatnya*, menafikan *tashbih* dari segala sifatNya dan menafikan segala sekutu dari segala *Af'al* (perbuatan) dan segala yang dijadikanNya. Menurut al-Maturidi, tauhid bererti meninggalkan sekutu bagiNya dan mengenal keesaanNya serta mengikrarkan ketuhananNya (Muhammad Zaini Uthman 2011:603). Menurut Kamus Besar Melayu Arab (2013) perkataan *Shuhud* berasal dari *Shahida*

(شهود) yang bererti menyaksikan sedangkan *Shuhud* pada pengertian ahli tasawuf bererti rasa kehadiran dalam hati bersama dengan yang dipandangnya (iaitu *Dhat* Allah SWT), maka melihat seorang salik akan Allah SWT dengan NurNya dan hilang segala sesuatu yang lain dengan kehadiran *shuhud* itu (al-Qashani 2011:169). *Al-Tauhid al-Shuhudi* ialah tauhid yang berbentuk pandangan hati secara *mushahadah* yang membawa pengertian *Ihsan* sebagaimana hadis Nabi SAW:

"Ihsan itu adalah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya, jika kamu tidak melihatnya, maka (ketahuilah) Allah melihat kamu" (al-Bukhari : 2007: 83)

Tauhid adalah inti pengamalan tasawuf. Menurut Shaykh Ahmad al-Fatani (Wan Muhammad Saghir 1998:219), *al-Tauhid al-Shuhudi* adalah lebih tinggi dari *al-Tauhid al-Istidlali* dan lebih rendah dari *al-Tauhid al-Kashfi* atau *al-Dhawqi*. *Al-Tauhid al-Shuhudi* adalah lebih tinggi dari *al-Tauhid al-Istidlali* (Tauhid yang hanya berpegang pada dalil tanpa pengalaman menjalani latihan kerohanian sebagai seorang *salik* dalam mencapai hakikat bertauhid) kerana pada peringkat ini keyakinan secara teori (*Ilm al-Yakin*) telah bertukar kepada keyakinan secara amali (*mushahadah*) dalam *Tauhid al-Shuhudi* iaitu *'Ain al-Yakin* dan *Haq al-Yakin*. Keyakinan sebegini telah dibuktikan dengan penglihatan *basirah* dan *mushahadah*. Menurut Nurudin al-Raniri, Tauhid jenis ini juga disebutkan sebagai konsep Tauhid-Tasawuf iaitu mengaplikasikan teori tauhid dalam perjalanan tasawuf (Muhammad Zaini Uthman 2011:600-601). Menurut Shaykh Zakaria Ahmad Wan Besar (2009:24), *Mushahadah* dari sudut bahasa bererti الإطلاع على الشئ عياناً iaitu melihat sesuatu dengan sebenar-benar melihat. Sedangkan dari sudut istilah pula ialah أن يدِيم الإطلاع على الله تعالى بعين قلبه bererti iaitu seseorang yang mengekalkan melihat Allah Taala dengan mata hatinya. Menurut al-Qashani (2011:91), kefahaman tauhid menurut pembahagian tingkatan kesolehan manusia terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Tauhid orang yang awam.
2. Tauhid orang yang *Khusus* atau orang yang soleh.
3. Tauhid orang yang *Khas al-Khas* atau golongan yang Muqarrabin.

Tauhid Awam ialah Tauhid yang mengesakan *Dhat* Allah SWT dengan segala sifat yang mulia dan segala perbuatan yang kembali ianya kepada Allah SWT. Tauhid orang yang *khusus* atau orang

yang soleh ialah tauhid yang tidak memandang ada sesuatu selain dari Allah SWT. Tauhid bahagian ini juga disebut dalam sesetengah kitab Jawi sebagai *Tauhid al-Shuhudi* (Wan Mohd Saghir 1998: 220). Tauhid bagi golongan *Khas* atau *khawwas* ialah *Fana' dan Baqa'* dalam keesaan Allah iaitu disebut juga *Tauhid Kashfi*, *Wujudi* atau *Dhawqi*. Tauhid peringkat ini menggabungkan kefahaman tauhid di atas landasan pengamalan tasawuf untuk menghasilkan *Fana'* dan *Baqa'*. Tauhid diperingkat ini juga dinamakan *Tasawuf al-Shuhudiah*.

Namun untuk mendapatkan tauhid *khawwas* ini, seorang *salik* perlu menempuh *al-Tauhid al-Shuhudi*. Menurut Shaykh Nur al-Din al-Raniri (Muhammad Zainiy Uthman 2011: 557-566), dalam pengertian ini pandangan *al-Tauhid al-Shuhudi* terbahagi kepada empat tingkatan iaitu:

1. *Tauhid al-Af'al* iaitu mengesakan Allah SWT dari sudut *Af'al*nya. Sebagaimana dinyatakan al-Qashani, Tauhid ini juga dikenali sebagai *al-Tajalli al-Fi'i* (*Tajalli* perbuatan Allah SWT pada segala alam dan makhluk). Dalam kefahaman bahagian tauhid ini, seorang *salik* tidak melihat pada mata hatinya ada sesuatu yang lain dalam segala gerak laku makhluk dan kesan yang wujud dari makhluk selain dari perbuatan yang datangnya dari Allah SWT. Ahli tasawuf menyatakan mengenai *mushahadah* kepada perbuatan Allah dalam setiap zarah yang wujud. Firman Allah SWT dalam surah Yunus, ayat 101:

“Katakanlah ! (Wahai Muhammad) Perhatikan dan fikirkan apa yang ada di langit dan di bumi (dari segala kejadian yang menakjubkan yang membuktikan keesaan Allah). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah) dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.”

Apabila *Mushahadah* telah tetap ada dalam diri seseorang tanpa melalui ikhtiyar, maka seorang *salik* tidak akan lupa walau sekelip mata bahawa segala sesuatu adalah datangnya dari Allah SWT. Maka apabila hal ini terjadi, terhasillah bagi *salik Fana' fi al-Af'al illah* atau *Fana'* pada *Af'al* Allah SWT. Inilah natijah dari *Mushahadah Tauhid al-Af'al* (Zakaria Ahmad 2009:26).

2. *Tauhid al-Asma'* iaitu mengesakan Allah SWT dari sudut Nama-NamaNya. Melihat dengan mata hati setiap nama-nama yang ada di alam

ini, hakikatnya datang dari nama Allah SWT. Ertinya setiap segala sesuatu itu adalah *Tajalli* dari Asma' atau nama-nama Allah SWT sehingga segala sesuatu itu, hakikatnya berzikir kepada Allah SWT. Seorang yang sampai ke maqam ini akan tenggelam dalam mengingati Allah SWT (al-Qashani 2011:91).

3. *Tauhid al-Sifat* iaitu mengesakan Allah dari sudut segala sifat yang menzahirkan kekuatan, kehendak, ilmu dan kehidupan yang mutlak dari sudut hakikat dengan pandangan bahawa semua sifat pada makhluk itu hakikatnya datang dari Allah SWT. Pandangan *salik* tenggelam pandangan hamba dari *istidlal* (mencari dalil) kepada *Tajalli al-Shuhud* bagi segala sifat-sifat Allah sehingga hasil bagi *salik* akan *Fana' fi al-Sifat Allah* iaitu *Fana'* bagi dalam segala sifat-sifat Allah. *Fana' fi Allah* dan *Baqa' bi Allah* adalah perkara yang menjadi hasil dari perjalanan *mushahadah* dan sangat penting bagi *Ahl al-Shuhud* (Zakaria Ahmad 2009:26).
4. *Tauhid al-Dhat* iaitu tauhid yang mengesakan *Dhat* Allah secara mutlak pada tiap-tiap sesuatu yang wujud. Tiada sesuatu selain dariNya. (al-Qashani 2011: 91). Menurut Zakaria Ahmad (2009:27), iaitu seseorang bermushahadah kepada *Dhat* Allah Taala daripada segala makhluk, yakni ingat dalam hatinya bahawa tiada yang *mawjud* (ada) melainkan Allah. Maka *Fana'*lah wujud makhluk dalam pandangan *mushahadahnya*. Kerana wujud makhluk itu datangnya dari wujud Allah. Dinamakan martabat ini sebagai *Mushahadah al-Dhat fi al-Dhat* dan dinamakan juga *Tauhid al-Dhat*.

Dalam *Tafsir al-Jilani*, Shaykh Ḥabīb al-Qadir menyentuh mengenai istilah *Tauhid al-Dhat*, *Tauhid al-Sifat*, *Tauhid al-Asma'* dan *Tauhid al-Af'al* ketika mentafsirkan ayat 142 dari surah al-Baqarah dengan menyatakan:

“Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata, “Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini? . Katakanlah (wahai Muhammad SAW). “Timur dan Barat adalah kepunyaan Allah SWT. (maka ke arah mana sahaja yang Allah SWT menyuruh untuk dihadapkan, maka wajiblah kita mematuhiinya). Allah yang memberikan petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus.”

Menurut kefahaman penulis, telah berkata Shaykh Ḥabīb al-Qadir (Ḥabīb al-Qadir 2009 : Jil. 1, 133-134) dalam mentafsirkan ayat di atas :

“...Kemudian, ketika telah dikuasai diri Rasulullah SAW di awal *Ahwat* dan suluknya dengan *Tauhid al-Sifat* dan *Tauhid al-Af'at* yang telah diwarisi dari Nabi-nabi sebelumnya dari keturunan beliau, maka baginda telah mengikuti kiblat mereka. Tetapi ketika telah tersingkap *Tauhid al-Dhati* kepada Rasulullah SAW sehingga baginda telah di tenggelami oleh *tajalliyat* dan *isyrat* (menerima cahaya hidayah dari Allah), sehingga mengalami *istighraq* (tenggelam bersama kebesaran Allah) dan *walah* (kasih dan cinta terhadap Allah) bahkan mengalami *Fana'* sehingga diri beliau hilang, maka Allah SWT telah menganugerahi kiblat khusus kepada beliau, berupa satu arah dan bentuk yang tertentu yang jelas sebagai tanda atas kiblatnya yang hakiki yang bersifat *maknawiyah*. ..Katakanlah kepada mereka, wahai Rasul yang paling sempurna untuk memperingatkan serta membimbing mereka, dengan lisan *al-Tauhid al-Dhati*, setelah tauhid ini tersingkap dihadapanmu, (kepunyaan Allahlah) yang maha suci, dari tempat, arah dan masa, yang menjadi tempat *tajalli* di dalam tempat, arah dan masa tersebut. (Arah timur dan barat) iaitu tempat yang dihadapkan wajah mereka iaitu manusia di setiap masa, tempat dan arah sedangkan perkara itu adalah tempat dizahirkan *al-Tauhid al-Dhati* dan *ditajalli* semua *Asma'* (Nama-nama Allah SWT) dan Sifat-sifatnya. (Dia memberikan petunjuk) dengan cintaNya yang bersifat *al-Dhati* (*al-Tauhid al-Dhati*), (kepada sesiapa yang dikehendaki) dari hamba-hambaNya yang menghadapkan wajah kepada hadratnya. (ke jalan yang lurus) yang menghantar hamba-hambaNya kepada *Dhatnya* dari manapun tempat, masa dan arah kerana Allah SWT Maha meliputi segala sesuatu.”

Shaykh ‘Abd al-Qadir menjelaskan, bahawa jalan untuk sebenar-benar beriman ialah dengan memahami tauhid secara meyeluruh yakni bukan semata-mata dengan mata akal (*basar*) yang meyakini wajud Allah, bahkan disempurnakan pula dengan pengalaman matalhati (*basirah*) dalam memandang Allah. Tauhid yang dijelaskan oleh Shaykh ‘Abd al-Qadir dalam kitab tafsirnya iaitu *Tafsir al-Jilani* adalah tauhid peringkat tinggi iaitu *al-Tauhid al-Shuhudi* yang menjadikan matlamat kemuncak bagi seseorang *salik* dalam perjalanan untuk mengenal Allah dengan tidak meninggalkan proses *mujahadah*.

Menurut Muhammad bin Ibrahim yang terkenal dengan panggilan Ibnu ‘Abbad (Zakaria Ahmad 2009:32) menyatakan bahawa alam keseluruhan ini adalah gelap pada pandangan *Ahl al-Shuhud*. Iaitu penuh dengan hijab dan maksiat (yang menghalangi seseorang dari Allah SWT). Maka yang menerangkannya adalah Nur Allah yang dilimpahkan kepada hati hamba-hambaNya yang dipilih menjalani jalan menuju Allah secara *shuhudi* dengan membersihkan hati dari segala kekeruhan hawa nafsu dan tipu daya dunia. Telah berkata Ahmad bin ‘Ata’ Allah al-Sakandari (Ibnu ‘Ata’ Allah 2015):

“Bagaimana akan terang mata hati seseorang itu sedangkan gambaran dunia masih terpahat dalam cermin hatinya atau bagaimana seseorang itu dapat berjalan kepada hadrat Allah SWT padahal dia masih terbelenggu dengan hawa nafsunya. Atau bagaimanakah seseorang itu ingin masuk ke hadrah Ketuhanan sedangkan dia belum suci dari kekotoran *Janabah* kelalaianya. Atau bagaimana seseorang itu berharap bahawa dia akan memahami rahsia yang halus-halus (yang sangat dalam pengertiannya) sedangkan dia masih belum bertaubat dari segala kesalahannya?”

Melalui penyataan Shaykh Ibnu ‘Ata’ Allah, jelaslah bahawa jalan untuk menuju ke hadrah Allah SWT tidak akan terbuka melainkan dengan penyucian hati dari segala kekotoran *mazmumah* dan memahami serta beramal dengan konsep *Tasawuf Shuhudi*. Ini adalah sebahagian contoh yang terdapat dalam *Tafsir al-Jilani*. Menurut Badruzzaman M.Yunus (2017), pentafsiran al-Quran secara *Ishari* lebih didasari dari pengolahan ruhani dan penyucian jiwa. Dari penyucian jiwa itulah akan menjadi asbab limpahan pengetahuan yang diterima secara langsung dari Tuhan.

MAQAM MAHABBAH (CINTA) ADALAH JALAN UNTUK SAMPAI KEPADA ALLAH MELALUI APLIKASI AL-TAUHID AL-SUHUDI

Shaykh ‘Abd al-Qadir menyatakan bahawa cinta kepada Allah adalah jalan untuk sampai kepada Allah. Beliau menafsirkan secara *ishari* surah al-Mai’dah, ayat 6, mengenai wudhu’ (2009: Jil. 1, 483) dengan terjemahan menurut penulis:

“... Perjalanan yang diperlukan oleh seorang *salik* untuk sampai kepada Allah SWT ialah dengan membasuh muka (diri kamu) dengan air *al-Mahabbah* (kecintaan), *al-Shawq* (kerinduan) dan *Jazbah al-Ilahi* (tarikan cinta ketuhanan) yang Maha Menghidupkan ruh yang mati dari bumi yang tiada kekal menghadap kepada *al-Haq* demi meninggalkan segala sesuatu yang berbentuk makhluk dan keterbilangan. Kemudian dibasuh tangan iaitu dengan disucikan (dengan taubat) dari noda tangan yang sentiasa mengambil dan memberi dari urusan dunia dan segala kekeruhannya. (meninggalkan cinta dunia dengan duduk di maqam *zuhud*). Kemudian membasuh kepala dari segala sikap keakuan dan kediaan makhluk. (duduk di maqam *mujahadah*) yang menjadi sumber segala tuntutan dan adab makhluk. Akhirnya dibasuh kaki hingga ke mata kaki iaitu membasuh segala kekotoran hati dalam perjalanan menuju Allah sehingga berhenti dengan *Fana'* kepada Allah. Kemudian disambung dengan ayat seterusnya, jika kamu sekaliannya berjunub, maka bersuciilah iaitu tafsirannya secara *Ishari* tenggelam dalam dosa dan berhadap kepada selain Allah, maka hendaklah melakukan *Riyadah* (*al-Nafs*) yang berat dengan bimbingan guru yang *Murshid*, dengan cara memutuskan semua kebergantungan (terhadap dunia) dan meninggalkan segala kebiasaan nafsu dengan *Maut al-Iradi* (mematikan segala kehendak kepada selain dari Allah) dan keluar dari segala sifat *Bashariyah* (kebiasaan makhluk).”

Menurut M.Ulil Abshor (2018), hasil dari kecintaan dan *iradat* yang kuat terhadap Allah SWT akan melahirkan pengetahuan yang bersifat *makrifat* atau *irfani*. Pengetahuan *Irfani* inilah yang dinamakan *ilm al-Huduri* iaitu ilmu yang dihadirkan terus oleh Allah SWT ke dalam hati makhlukNya yang berbeza dari ilmu rasional dan *ilm al-Muktasab* (ilmu yang dipelajari). Shaykh ^cAbd al-Qadir menyebutkan hal ini seperti tafsiran ayat di atas. Beliau juga menyatakan selain dari cinta, seseorang itu mesti bertaubat dengan membersihkan dirinya dari segala dosa dan noda dunia seperti apa yang disebutkan oleh al-Ghazali, al-Thusi dan al-Harawi dalam bentuk tersirat dalam perjalanan rohaniah.

Menjelaskan bagaimana mendapat *al-Tauhid al-Shuhudi*, Shaykh ^cAbd al-Qadir menyatakan (^cAbd al-Qadir 2009), perkara yang pertama yang dapat dilihat dalam tafsir ayat 6, surah al-Ma'idah ialah soal penyucian samada taubat dari segala dosa atau suci hati dari segala kekeruhan dunia. Tanpa melakukan taubat, hati tidak akan dapat disiram dengan air *Mahabbah* atau kecintaan kepada Allah. Kasih kepada Allah hanya akan tumbuh dari hati orang yang bertaubat kepada Allah SWT sehingga sampai kepada maqam *Fana'*. Dalam karangannya yang lain, Shaykh ^cAbd al-Qadir menganggap taubat adalah pintu masuk atau maqam yang pertama dalam usaha menuju kepada Allah untuk mendapat keredhaanNya di dunia dan akhirat. Malah bukan sekadar bertaubat tetapi terus menerus istiqamah didalam Taubat sebagaimana gesaannya dalam *Fath al-Rabbani* (^cAbd al-Qadir 1998) :

“...Bertaubatlah dan istiqamah dalam Taubat. Apabila kamu telah menanam maka pastikan sesuatu yang kamu tanam itu tumbuh, bercabang dan berbuah.”

Selain dari maqam Taubat, Shaykh ^cAbd al-Qadir juga menyebutkan dalam karangannya yang bertajuk *al-Ghunyah*, *maqamat* yang lain yang perlu ditempuh untuk sampai ke hadrat ketuhanan selepas taubat adalah seperti *Yakin*, *Shukur*, *Sabar*, *Reda*, *Zuhud*, *al-Sidq* atau benar, *Fana'* dan *Baqa'*. (^cAbd al-Qadir : 2012: Jil. 2, 306-337). Mengenai perjalanan kerohanian melalui *maqamat*, dalam penafsiran firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 163- 165:

“Sungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh dan Nabi-nabi yang diutus kemudian daripadanya dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan Nabi Ishak dan Nabi Yaakub,

serta Nabi-nabi keturunannya dan Nabi Isa dan Nabi Ayub dan Nabi Yunus dan Nabi Harun dan Nabi Sulaiman; dan juga Kami telah memberikan kepada Nabi Daud: Kitab Zabur. (163) Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan hal mereka kepadamu dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan). (164) Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Shaykh ^cAbd al-Qadir (2009: Jil 1, 464-465) menjelaskan mengenai *maqamat* tersebut telah diiktibarkan bagi perjalanan setiap rasul yang menjadi ikutan para sufi kemudiannya dengan katanya:

“....Allah telah berfirman: “Sungguhnya Kami telah memberikan wahyu” dari *Maqam al-Jud* (kedermawan) Kami kepadamu, Wahai Rasul yang paling sempurna.

Berupa kitab yang menghimpunkan semua yang ada dalam kitab-kitab suci yang terdahulu dengan bentuk yang lebih jelas bagi jalan Tauhid, “sebagaimana Kami telah memberikannya kepada Nuh” yang berupa beberapa suhuf yang menjelaskan jalan *Tauhid* dan *Tanzih*. Nama Nuh disebutkan dahulu kerana Nuh adalah yang pertama menerima kitab. Dan setelah Nuh “Kami telah mewahyukan juga kepada nabi-nabi yang lain sesudahnya” dengan suhuf dan kitab agar dibangunkan jalan kebenaran. “Dan Kami mewahyukan kepada datukmu Ibrahim” yang mempunyai akhlak Ilahi dan *Maqam al-Khullah* (al Khalil-peneman Allah) “dan Ismail” yang mempunyai *Maqam Reda* dan *Taslim* (penyerahan). “Dan Ishaq” yang mempunyai *Maqam Muhasabah* diri dan sentiasa bertawajuh kepada Allah kerana telah sampai ke Maqam Tauhid. “Dan Yaakub” yang sentiasa menghadapkan diri kepada Allah kerana telah sampai ke *Maqam Tafwid* (penyerahan yang sempurna kepada Allah). “Dan anak cucunya antaranya adalah Yusuf yang telah naik dari Maqam *Suwar al-Khayaliyah* (bentuk-bentuk yang mengkhayalkan) menuju *Umur al-Ainiyah wal al-Ghaybiyah* (hal yang kasat mata dan ghaib) disebabkan rohaninya yang sangat suci dari segala noda kemanusiaan. Begitu juga “Isa” yang telah mendapat ilmu *al-Muassirat al-Ilahiyah* (jejak ketuhanan) dan mencapai *Maqam al-Nafasat al-Rahmaniyyah*, kerana kemanusiaan Isa tenggelam dalam Ketuhanan (Lahutiyah). “Dan Ayyub” yang

telah mencapai *Maqam Sabar* dan *Reda* disebabkan taqdir Allah yang dilaluinya dan telah mencapai *Maqam Ubudiyah* (tingkatan kehambaan). “Dan Yunus” yang telah mencapai *Maqam al Khauf (takut) dan al-Raja’ (harap)* kepada Allah. “Dan Harun” yang telah mencapai *Maqam al-Amanah al-Diyanah (ketaatan) dan ketenangan jiwa*. “Dan Sulaiman” yang telah menghimpunkan semua martabat di alam Shahadah dengan pencapaianya di *Maqam al-Bastah (Kelapangan) dan al-Isti’la* (Kekuasaan). “ Dan Kami telah berikan Dawud sebuah kitab iaitu Zabur” kurniaan kedermawan Kami dengan diberikan kepadanya *Maqam al-Hikmah* yang najitahnya pada segala bimbingan yang terdapat pada semua Martabat Ketuhanan yang digunakan untuk memisahkan yang hak dan yang batil. “Dan kepada Musa” Allah telah berbicara kepadanya, dia diberikan *Maqam al-Qurb* (kedekatan) dan *al-Wusul* (kesampaian).

Demikian *maqamat* perjalanan para Nabi yang telah dijelaskan oleh Syaikh ‘Abd al-Qadir al-Jilani. Perjalanan seorang hamba menuju kepada tuhanNya melalui *maqamat* untuk menyampaikan cinta seorang *salik* kepada hakikat tauhid. Dari kefahaman ini dibentuk kaedah pentafsiran untuk memahaminya yang dinamakan *al-Tauhid al-Shuhudi*. Ini dinyatakan secara tersirat oleh Shaykh ‘Abd al-Qadir ketika mentafsirkan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 14-17 :

“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga). (14) Katakanlah (wahai Muhammad): “Mahukah supaya aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu? iaitu bagi orang-orang yang bertakwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan/ isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredaan dari Allah dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan hamba-hambaNya. (15) (Iaitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata: ‘Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab Neraka.’” (16) (Dan juga) orang-orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah) dan orang-orang yang benar (perkataan dan hatinya) dan orang-orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah) dan orang-orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah) dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur.”

Menurut Shaykh ‘Abd al-Qadir (2009: Jil 1, 254-256) dalam tafsirannya terhadap ayat 14-17, surah

Ali Imran tersebut, ada menyebutkan *maqamat* yang perlu ditempuh oleh *salik* adalah *maqam Mahabbah, Fana’* dan *Baqā’* untuk sampai ke hadrat ketuhanan melalui pembukaan *Kashf al-Tauhid* (pembukaan hakikat Tauhid), *Ishq* (kerinduan) dan *Shuhud*. Dari *Kahsf al-Tauhid* hingga kepada *Shuhud* itulah dibina kaedah *al-Tauhid al-Shuhudi* yang mengandungi tahapan-tahapan *makrifah* terhadap *al-Tauhid al-Dhati, al-Tauhid al-Sifati, al-Tauhid al-Asma’* dan *al-Tauhid al-Af’al*.

Penyataan Shaykh ‘Abd al-Qadir (2009: Jil 1, 254-256) dapat disimpulkan dari awal perjalanan seorang *salik* dengan bertaubat kepada Allah. Mengkali diri dalam maqam sabar dan ‘Ubudiyah atau sifat kehambaan kepada Allah SWT. Kemudian masuk ke maqam tauhid dengan sifat Ikhlas, *Isyq* dan *Mahabbah*. Memperolehi kurniaan *Kashf* dan *Shuhud* untuk terus masuk ke dalam Maqam *Fana’* dan *Baqā’* untuk sampai ke Hadrat Allah SWT. Inilah tujuan tauhid yang kemudian dinamakan *al-Tauhid al-Shuhudi* yang bersumber dari kekuatan *Basirah* seorang hamba. Sumber ilmu dalam konteks ini jelas dilihat dari dua sudut. Pertama melalui pembelajaran dan kesedaran seorang hamba dan keduanya adalah limpahan atau emanatif (*Tanazzul* atau *Fayd*) melalui penyucian jiwa terhadap *maqamat* yang telah disebutkan. Menurut Zuherni AB (2016), dengan kekuatan *mahabbah* dan *kashf*, seorang sufi diperingkat tinggi akan memperolehi *isharat* makna batin al-Qur’ān sehingga bergetar perasaan kagum, rindu, cinta dan *makrifah* yang apabila diterjemahkan dengan kata-kata, ianya akan menjadi tafsir sufi *al-Ishari* dalam menjelaskan perjalanan seorang salik menuju kepada alam ketuhanan melalui aplikasi *al-Tauhid al-Shuhudi*.

Shaykh ‘Abd al-Qadir banyak menafsirkan ayat al-Qur’ān dengan aplikasi *al-Tauhid al-Shuhudi* melalui *maqamat* yang tertentu khususnya pada maqam *mahabbah* dan *kashf* kerana kemuncak keduanya itu akan membuka pengenalan kepada Allah iaitu pengenalan terhadap *al-Tauhid al-Dhati, al-Tauhid al-Sifati, al-Tauhid al-Asma’* dan *al-Tauhid al-Af’al*. Nur al-Din al-Raniri menyatakan dalam *Lataif al-Asrar* (Muhammad Zaini Uthman 2011:771), *Maqam* itu umpama pohon yang di atasnya perjalanan segala *salikin* dan kesudahan bagi *Wasilin* (mereka yang telah sampai ke hadrat Allah SWT). Dan hasil dari maqam itu adalah *Hal* atau *Ahwal*. Jika seseorang sufi atau *salik* yang tiada padanya *Hal* atau *Ahwal*, maka tiadalah padanya *Maqam*. Sebab dinamakan *Maqam* kerana tetapnya

dan teguhnya sifat tersebut pada *salik* atau para sufi. Sebab dinamakan *Hal* atau *Ahwal* kerana sifat yang dilimpahkan kepada hamba adalah sesuatu yang berpindah serta hilang dari *salik*. Penyataan Nur al-Din al-Raniri, seolah-olah *maqam* dilalui terdahulu sebelum dianugerahi *Hal* dan seolah-olah meyalahi kaedah iaitu sepatutnya hal mendahului *maqam* namun kenyataan tersebut dilihat dari sudut anugerah tuhan dengan kenyataannya pada mukasurat yang sama iaitu *maqam* adalah sesuatu yang dapat dicapai dengan usaha sedangkan *Hal* adalah anugerah dari Allah SWT. Kadang-kadang *Hal* itu boleh berubah menjadi *Maqam* apabila telah tetap keadaan tersebut bagi seorang *salik*.

Menurut Nur al-Din lagi, dalam mengumpamakan misal mengenai *maqam* menuju kepada Allah, beliau menyatakan terdapat 3 bentuk jalan menuju Allah iaitu jalan *Akhyar*, jalan *Abrar* dan jalan *Sattar*. Adapun jalan *Akhyar* adalah seumpama melakukan solat, berpuasa dan membaca al-Qur'an. Adapun jalan *Abrar* adalah melawan hawa nafsunya dan membaikkan diri dengan segala akhlak serta menyucikan hati (dari segala sifat terkeji atau *mazmumah*). Adapun jalan *Sattar* itulah jalan *Ahl al-Mahabbah* (wali-wali Allah), maka jalan itu hanya tertentu dengan *mawt al-Iradi* juga atau keadaan "mati sebelum mati" yang menumbuhkan cinta hakiki kepada Ilahi. Perumpamaan bagi menjelaskan jalan *Ahl al-Mahabbah* (wali-wali Allah) yang melalui *mawt al-Iradi* yang melahirkan *Mahabbah* (kecintaan) yang hakiki kepada Allah, dinyatakan oleh Shaykh °Abd al-Qadir (2009: Jil. 1, 171) dalam menafsirkan perlaksanaan ibadah haji secara hakikat :

"Haji adalah perumpamaan dari *Mawt al-Iradi* (Mati nafsu yang terjadi sebelum mati yang sebenar menurut pemahaman ahli Sufi) yang akan menumbuhkan Kehidupan yang Hakiki. Inilah kehidupan yang mempunyai sifat-sifat Kehidupan *al-Tab'iyyah* (Kehidupan yang mengikut Fitrah). Barangsiapa yang menghendaki Haji yang Hakiki dan Kehidupan yang Hakiki, maka hendaklah seseorang itu mematikan dirinya dari segala kebiasaan Kehidupan yang Tabii, tidak kekal dan ianya dipinjam sahaja oleh Allah SWT kepada manusia. Tujuannya adalah untuk mencapai kehidupan yang Hakiki dan Azali yang bersifat kekal. Hal ini tidak akan dapat untuk dicapai melainkan keluar dari ketentuan akal yang bersifat *Juz'i* (tidak sempurna) yang bercampur dengan khayal dan keraguan."

Jalan *Ahl al-Mahabbah* (wali-wali Allah), dengan *mawt al-Iradi* atau keadaan "mati sebelum mati" yang menumbuhkan cinta hakiki kepada Ilahi adalah gerbang terhadap kefahaman *al-Tauhid al-Shuhudi* (Muhammad Zaini Uthman 2011:628-629), seni tafsiran yang banyak digunakan oleh

Shaykh °Abd al-Qadir dalam kitab tafsirnya *al-Fawatih al-Ilahiyat wa al-Mafatih al-Ghaibiyat al-Muwaddihat lil al-Kalim al-Qur'aniyah wal al-Hikam al-Furqaniyah* atau *Tafsir al-Jilani*. Selain dari huraiyan Shaykh °Abd al-Qadir mengenai *mawt al-Iradi* pada ayat mengenai hakikat haji, terdapat juga penjelasan mengenai *mawt al-Iradi* pada ayat-ayat yang lain seperti pada penafsiran firman Allah SWT dalam surah Ma'idah, ayat 6:

"jika kamu sekaliannya junub (berhadas besar), maka bersucilah dengan mandi wajib...."

Beliau menyatakan (°Abd al-Qadir 2009: Jil. 1, 483).:

".... jika kamu sekaliannya berjunub iaitu tafsirannya secara *Ishari* tenggelam dalam dosa dan berhadap kepada selain Allah, maka hendaklah melakukan *Riyadah (al-Nafs)* yang berat dengan panduan guru yang Murshid dengan cara memutuskan semua kebergantungan (terhadap dunia) dan meninggalkan segala kebiasaan nafsu dengan *Mawt al-Iradi* (mematikan segala kehendak kepada selain dari Allah) dan keluar dari segala sifat *Bashariyah* (kebiasaan makhluk)."

Juga pada penafsiran firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 100 :

"Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapat di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Menurut Shaykh °Abd al-Qadir, (barangsiapa yang berhijrah pada jalan Allah) dengan maksud berhijrah kepada tauhid atau keesaan (Allah) dan (mengikuti RasulNya, kemudian kematian menimpaNya) maksudnya *Mawt al-Iradi*, (sehingga dia mati) dari segala tuntutan *bashariyah* secara mutlak, maka sesungguhnya telah tetap pahala di sisi Allah SWT. (°Abd al-Qadir 2009: Jil. 1, 430).

Sebagaimana yang telah dijelaskan, *Mawt al-Iradi* adalah mematikan segala kehendak nafsu yang jahat terhadap kehendak duniawi yang tercela untuk mendapat *Maqam Mahabbah* (cinta) yang terpuji di sisi Allah SWT dan dilimpahkanNya ilmu yang luas dan penjelasan kepada hakikat tauhid melalui aplikasi *al-Tauhid al-Shuhudi*. Menurut Nur al-Din al-Raniri, (Muhammad Zaini Uthman 2011:782) maka barangsiapa mengekalkan segala *maqam* yang mulia ini, nescaya dianugerahkan akan dia *al-Anwar* (cahaya Allah) yang sangat indah dan ilmu

Mukashafah iaitu ilmu *Laduni* seperti firman Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 122 :

"Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayat petunjuk) dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah dia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) dia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan segala jenis maksiat)."

Menurut Nur al-Din al-Raniri, *Nur* yang dilimpahkan oleh Allah SWT kepada hati yang mati itu adalah *Nur Jamal* Allah SWT dan dihidupkan hati para *salik* dan diberikan ilmu di sisiNya iaitu yang dikenali dalam istilah Sufi sebagai *'Ilm al-Laduni*. Semua itu tidak akan diperolehi melainkan melalui segala *maqamat* dan *ahwal* yang telah dijelaskan.

(Muhammad Zaini Uthman 2011) yang membuka kepada dimensi kefahaman *al-Tauhid al-Shuhudi*. Demikian Shaykh ^cAbd al-Qadir menggunakan konsep *al-Tauhid al-Shuhudi* iaitu melalui *Tauhid al-Af'al*, *Tauhid al-Asma'*, *Tauhid al-Sifat* dan *Tauhid al-Dhat* berlandaskan *maqam al-Mahabbah* pada hampir keseluruhan tafsiran *Isharinya* terhadap ayat-ayat al-Qur'an dalam kitab tafsirnya *al-Fawatih al-Ilahiyyat wa al-Mafatih al-Ghaibiyat al-Muwaddihat lil Kalim al-Qur'aniyah wal al-Hikam al-Furqaniyah* atau *Tafsir al-Jilani*.

KESIMPULAN

Kitab *Tafsir al-Jilani* atau *al-Fawatih al-Ilahiyyah wa Mafatih al-Ghaibiyah al-Muwaddihat lil Kalim al-Qur'aniyah wal Hikam al-Furqaniyah* karya Shaykh ^cAbd al-Qadir al-Jilani adalah sebuah kitab *Tafsif bi al-Ra'y wa al-Ishari* yang agung kerana menggabungkan konsep tauhid berdasarkan Tasawuf *Sunni* dan *Falsafi* iaitu mengaplikasi teori tauhid dalam perjalanan tasawuf atau lebih dikenali dengan *al-Tauhid al-Shuhudi* sehingga sampai kepada kecintaan (*Mahabbah*) yang hakiki kepada Allah SWT. Dan diyakini beliaulah yang mengasaskan konsep *Tauhid Shuhudi* ini iaitu *Tauhid al-Af'al*, *Tauhid al-Asma'*, *Tauhid al-Sifat* dan *Tauhid al-Dhat* diaplikasikan dengan

amalan-amalan tasawuf sehingga lahir pandangan *Mushahadah* yang menjadi tafsiran kepada hadis *Ihsan* terhadap pandangan kepada hadrat Allah SWT atau apa yang dikenali sebagai *Shuhudiyah* dan diaplikasikan dalam tafsiran al-Qur'an. Hal ini menunjukkan ketokohan Shaykh ^cAbd al-Qadir al-Jilani, bukan sahaja sebagai seorang yang luas ilmunya di dalam kesufian dan tarbiyah *ruhaniyyah*, tetapi beliau juga adalah seorang yang sangat hebat dalam bidang tafsir al-Qur'an khususnya dalam bidang *Tafsir al-Ishari* melalui aplikasi *al-Tauhid al-Shuhudi*.

RUJUKAN

- Al-Qur'an: *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*, 2013. Cet. 22. Kuala Lumpur. Malaysia. Darul Fikir.
- al-Bukhari. Abu Abdillah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ju'fi. 2007. *Al-Jami^c al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasulullah s.a.w. wa Sunanhi wa Ayyamih*. Beirut.. Lebanon. Dar al-Makrifah.
- ^cAbdul Qadir al-Jilani. 1998. *Fath al-Rabbani*. Beirut. Lebanon. Dar al-Fikr.
- ^cAbdul Qadir al-Jilani. 2012. *al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haq*. Lebanon : Dar al-Kutub al-^cIlmiyah.
- Alan Godlas. 2017. Chapter 27. *The Wiley Blackwell Companion to the Qur'an*. Second Edition. John Wiley & Sons Ltd.
- al-Qashani. Abdul Razak. 2011. *al-Qamus al-Sufiya*. Beirut. Lebanon. Books Publisher.
- Badruzzaman M. Yunus, 2017. Pendekatan Sufistik dalam menafsirkan al-Qur'an. *Jurnal Syifa al-Qulub* 2(1) : 1-12.
- Ibnu Ata'Allah al-Sakandari. Ahmad bin Ata'illah 2015. *Syarh Hikam Ibnu 'Athaillah Tokku Pulau Manis* oleh Ramli Mat Hassan (terjemahan). Selangor. Malaysia. Pustaka Ilmu.
- Jamaluddin Falikh. 2014. *Hakaza Takallam al-Shaykh Abdul Qadir al-Kailani*. Dhaka, Bangladesh: Dar al-Kitab al-Alamiyah.
- Kamus Besar Dewan, Melayu-Arab-Melayu*, 2013. Edisi Keempat. Kuala Lumpur Kuala Lumpur. Malaysia. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- M. Ulil Abshor, 2018. Epistemologi Irfani. *Jurnal At-Tibyan* 3(2): 249-264.
- Muhammad Fadil al-Jilani, *al-Fawatih al-Ilahiyyat wa al-Mafatih al-Ghaibiyat al-Muwaddihat lil al-Kalim al-Qur'aniyah wal al-Hikam al-Furqaniyah*, 2009. Cet.2., Istanbul. Turkey. Markaz al-Jailani.
- Muhammad Zaini Uthman 2011, *Lata'if al-Asrar li Ahl Allah al-Atyar of Nuruddin al-Raniri*, Selangor. Malaysia. Reka Cetak Sdn Bhd.
- Mursalin Ilyas, 2018. Al-Qur'an dan tafsir dalam perspektif tasawuf. *Jurnal Rausyan Fikr* 14(1): 157-181.
- Sansan Ziaul Haq. 2016. Eksoterisme tafsir Ishari : Telaah epistemologi tafsir al-Jilani. *Jurnal of Qur'an and Hadith Studies* 5(1): 1-28.

Wan Mohd Saghir 1998. *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. Kuala Lumpur. Malaysia. Khazanah Fathaniyah.
 Zakaria Ahmad Wan Besar. Shaykh. 2009. *al-Jawahir al-Sufiyah*. Selangor. Malaysia. Mahzum Books Services.
 Zuherni, A. B. 2016. Tafsir Isyari dalam corak penafsiran Ibnu al-Arabi. *Jurnal al-Muashirah* 13(2): 131-143.

PENGARANG

Shamsul Bin Mohd Nor
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor, Malaysia
 alamlahut2014@yahoo.com.my

Prof Madya Dr. Mazlan Bin Ibrahim
 (Pengarang Koresponden)
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor, Malaysia
 mazib@ukm.edu.my

Prof Madya Dr. Faudzinaim Bin Badruddin
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor, Malaysia
 fnaim@ukm.edu.my